

# Pak Lah: Kerajaan sedia hadapi cabaran kritikan luar

UM 20 OCT 2003

Oleh SOPHA SULAIMAN

JITRA 19 Okt. — Kerajaan bersedia menghadapi cabaran yang lebih hebat pada masa depan dengan bertindak tegas menjaga kepentingan rakyat dan negara jika Malaysia terus dikritik oleh pihak luar yang tidak bersetuju dengan dasar dan pandangan pemimpin negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia bukan hendak memerangi mana-mana negara tetapi mahu mela-

kukan perubahan untuk membawa ummah ke arah kejayaan, kemakmuran, cintakan keamanan dan kedamaian.

“Saya percaya pihak luar akan terus membuat kenyataan tidak berasas terhadap pemimpin negara ini. Yang penting, sejauh mana kita bersedia untuk membuktikan kita betul dan tidak terpesong dalam menyatakan sesuatu,” tegasnya kepada pemberita selepas merasmikan Kolokium Pemadam Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Dewan Wawasan, di sini hari ini.

Abdullah ditanya bagaimana

beliau akan mengatasi segala cabaran dan kritikan dari luar yang mungkin lebih hebat setelah beliau mengambil alih teraju kepimpinan negara selepas 31 Oktober ini.

Menteri Luar Itali, Franco Frattini semalam dilabelkan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai seorang ekstremis kerana mengeluarkan kenyataan tidak berasas terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Frattini antara pemimpin tertentu dari Barat yang mengata-

kan ucapan Dr. Mahathir yang menyentuh orang Yahudi semasa merasmikan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), terlalu menyinggung perasaan.

Abdullah berkata, selama ini pun mereka (Barat) memang dikenali sebagai mengamalkan dwistandard dalam membuat kenyataan, perbuatan atau peranan terhadap negara ini terutama yang menyentuh tentang ekonomi, hak asasi manusia dan alam sekitar.

■ Lihat muka 4

# Pak Lah: Kerajaan sedia hadapi cabaran kritikan luar

UM 20 OCT 2003

“Kenyataan dwi-standard itu sudah menjadi lazim bagi mereka, dan mereka akan terus membuat kenyataan mengkritik pimpinan dan negara ini,” jelas Abdullah.

Bagaimanapun Abdullah berkata, kenyataan yang dibuat oleh Dr. Mahathir semasa pada sidang kemuncak OIC itu telah disalahertikan untuk menonjolkan kononnya Dr. Mahathir sebagai anti-Yahudi.

Sementara itu ketika berucap pada majlis hari ini, Abdullah berkata, persidangan OIC yang lepas membuktikan sekali lagi bahawa rakyat Malaysia berkemampuan untuk mengurus persidangan peringkat antarabangsa pada tahap yang tinggi.

“Kemampuan kita menguruskan persidangan antarabangsa ini adalah yang terbaik berbanding negara lain,” katanya.

Malaysia juga telah pernah menjadi tuan rumah persidangan antarabangsa lain seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Komanwel, dan ia juga merupakan yang terbaik dari segi penyediaan kemudahan, keselamatan, perhubungan dan sebagainya, tambahnya.

Kolokium yang disertai oleh 4,000 pelajar itu, turut dihadiri oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin.